


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-39	Az-Zumar	75	8	Makkiyyah	Ke-59	6



Zaman Diturunkan

Surah az-Zumar seperti Surah al-Kahfi, diturunkan setelah da'wah secara terbuka bermula. Ia diturunkan di permulaan tahun ke-5 Kenabian sebelum lagi berlaku hijrah ke Habsyah iaitu pada bulan Rejab tahun ke-5 Kenabian. Pada ketika itu seruan al-Qur'an telah sampai hampir ke setiap rumah penduduk Mekah, orang-orang musyrikin Mekah pula tetap berkeras mempertahankan aqidah syirik dan pemujaan terhadap berhala-berhala sebagai suatu jalan untuk menghampirkan diri kepada tuhan. Tindakan zalim dan kejam orang-orang musyrikin Mekah terhadap penganut Islam pada ketika itu baru bermula tetapi tidak begitu meluas lagi. Pada ketika itu juga turun Surah al-'Ankabut dan Surah ar-Rum. Di dalam ayat ke-10 Surah az-Zumar sama seperti ayat ke-56 Surah al-'Ankabut sudah pun ada isyarat kepada hijrah ke Habsyah yang akan berlaku وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ.

Ciri Khusus Surah

1. Perkataan الَّذِينَ كَفَرُوا dan الَّذِينَ آمَنُوا berulang kali disebutkan di dalam Surah az-Zumar sebagai lawan kepada الَّذِينَ آمَنُوا dan الْمُتَّقِينَ yang juga disebutkan beberapa kali. Surah ini sebenarnya mengemukakan perbandingan di antara dua golongan tersebut.
2. Di dalam surah ini, hati orang-orang musyrikin Mekah digoncang dengan soalan-soalan seperti أَمَّنْ (Ayat: 8) dan أَفَمَنْ (Ayat: 22 dan 24). Ayat-ayat itu dimulakan dengannya sebagai seruan kepada mereka supaya merenungi dan memerhatikan tanda-tanda kebesaran Allah.

Kelebihan Surah Az-Zumar

'Aisyah meriwayatkan أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَنَامُ عَلَى فِرَاشِهِ حَتَّى يَقْرَأَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَالزُّمَرَ Bermaksud: Nabi s.a.w. tidak tidur di atas tilamnya sebelum membaca Surah Bani Israil dan Surah az-Zumar. Hadits riwayat Sunan Tirmizi, Kitab Kelebihan al-Qur'an, hadits 2,920. Tirmizi menghukumnya sebagai hadits hasan gharib.

Perkaitan Surah Az-Zumar Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam surah-surah yang lepas, dalil-dalil تاريخي berupa kisah-kisah Nabi Daud, Sulaiman, Ayyub dan lain-lain dikemukakan, di dalam Surah az-Zumar ini pula manusia digesa supaya menjauhi Thaghut, mereka diseru supaya menerima tauhid yang murni dan menolak aqidah syirik, berpandukan dalil-dalil أَنفُسِي dan آفَاقِي.
2. Surah Yasin adalah surah yang menyatakan sifat jalal Allah, di dalamnya orang-orang musyrikin difahamkan tentang kekuasaan mutlaq Allah, di dalam Surah as-Shaffat selepasnya dibantah kepercayaan para malaikat dan jin mempunyai sifat ketuhanan yang melayakkan mereka disembah dan dipuja. Di dalamnya juga dikemukakan kerja-kerja para nabi yang terpilih dan sumbangan mereka dalam

penyebaran aqidah tauhid. Di dalam Surah Shad selepas itu disebutkan tentang kedegilan dan kesombongan orang-orang musyrikin, akhir sekali di dalam Surah az-Zumar ini manusia diminta supaya memilih jalan tauhid dan untuk jalan itu mereka digalakkan berhijrah jika perlu.

3. Di dalam Surah as-Shaffat beberapa kali para nabi disifatkan dengan مُخْلِصِينَ iaitu orang-orang yang dipilih sepenuh masa untuk menegakkan tauhid dan menyeru manusia kepadanya. Di dalam Surah az-Zumar ini manusia diminta supaya menerima tauhid خالص setelah menerima da'wah para nabi yang مُخْلِصِينَ.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Di dalam Surah az-Zumar terdapat pengenalan tentang al-Qur'an.

Dinyatakan bahawa al-Qur'an diturunkan oleh Allah dengan benar, ia bersih daripada segala kebengkokan dan ia merupakan kalam yang terbaik dan sangat besar kesannya kepada jiwa manusia, oleh itu manusia hendaklah beribadat dan taat kepada Allah, tuhan yang menurunkannya tanpa mencampurbaurkan ibadat kepadaNya dengan ibadat kepada yang lain.

(a) Qur'an adalah sebuah kitab yang diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana secara beransur-ansur kepada Nabi s.a.w. (Ayat: 1).

تَنْزِيلُ الْكِتَابِ مِنَ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ①

(b) Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang benar, orang yang menerima petunjuk daripadanya akan mendapat faedah untuk dirinya sendiri dan orang yang tidak mengambil faedah daripadanya maka Nabi s.a.w. tidaklah ditugas sebagai penjaga dan pengawalanya. (Ayat: 41).

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَمَنِ اهْتَدَىٰ فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ ضَلَّٰ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهِمَا ۖ وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِرَكِيلٍ ②

(c) Al-Qur'an bersih daripada sebarang kebengkokan, ia diturunkan dalam Bahasa Arab supaya manusia terselamat daripada dosa (Ayat: 28).

قُرْءَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ ۚ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ③

(d) Al-Qur'an mengandungi kalam yang paling cantik dan paling istimewa, kandungannya diulang berkali-kali, orang yang takut kepada Allah akan gementar apabila mendengar dan membacanya, ia adalah satu petunjuk yang melembutkan hati manusia yang menerimanya (Ayat: 23).

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْكِتَابِ مُتَشَابِهًا مَّتَابِعًا ۖ تَقَشِيرُ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُدَىٰ اللَّهِ

(e) Al-Qur'an menggunakan bermacam-macam contoh dan perbandingan untuk memahamkan manusia supaya mereka dapat mengambil nasihatnya (Ayat: 27).

وَلَقَدْ صَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٣٧﴾

(f) Qur'an diturunkan dengan benar, oleh itu manusia hendaklah beribadat dan taat kepada Allah dengan ikhlas (Ayat: 2).

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ بِالْحَقِّ فَاغْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿٢﴾

2. Seruan al-Qur'an yang terkandung di dalam surah ini adalah seperti berikut:

(a) Manusia hendaklah menyembah dan mentaati Allah dengan ikhlas tanpa mencampurbaurkannya dengan kekotoran syirik (Ayat: 2).

فَاغْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿٢﴾

(b) Al-Qur'an juga menyeru manusia supaya kembali kepada Allah dan menerima Islam (Ayat: 54).

وَأَنِيبُوا إِلَى رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ

(c) Di dalamnya terdapat perintah supaya menyembah Allah sahaja dan bersyukur hanya kepadaNya, orang yang beribadat kepada selain Allah dikatakan orang yang tidak bersyukur (Ayat: 66).

بَلِ اللَّهَ فَاعْبُدْ وَكُنْ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٦٦﴾

(d) Manusia diseru supaya mengikuti ajaran-ajaran al-Qur'an yang terang, terbaik dan terpilih tanpa menta'wil dan mentafsirkannya dengan ta'wilan dan tafsiran yang salah (Ayat: 55).

وَأَتَّبِعُوا أَحْسَنَ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ

(Ayat 18).

الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ

3. Salah satu ciri khusus Surah az-Zumar ialah perkataan خالص beberapa kali digunakan di dalamnya, ia menyeru manusia kepada ibadat yang خالص (suci murni).

(a) Manusia diberitahu bahawa ibadat dan ketaatan yang layak dengan Allah hanyalah ibadat yang tidak kotor dan bercampur baur dengan kesyirikan (Ayat: 3).

أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ

(b) Melalui lidah Rasulullah s.a.w. dikatakan: "Aku juga diperintah supaya beribadat dan taat kepada Allah dengan penuh keikhlasan tanpa mengotorkannya dan mencampurbaurkannya dengan kesyirikan" (Ayat: 11).

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿١١﴾

(c) Al-Qur'an berisi kebenaran semata-mata, oleh itu manusia hendaklah memurnikan kehambaan dan ketaatannya kepada Allah (Ayat: 2).

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿٢﴾

4. Di dalam surah ini manusia dituntut supaya menerima ajaran tauhid yang suci.

(a) Tuntutan supaya menerima tauhid zat dengan mempercayai bahawa Allah tidak mempunyai anak.

Dia adalah zat yang bersih daripada segala kekurangan dan ke'aiban. Dia juga adalah zat yang Maha Esa dan Maha Mengalahkan (Ayat: 4).

لَوْ أَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَتَّخِذَ وَلَدًا لَاصْطَفَىٰ مِمَّا يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ سُبْحَنَهُ هُوَ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿٤﴾

(b) Dalil انفسي dikemukakan sebagai bukti kebenaran aqidah tauhid.

Manusia lahir daripada Adam dan Hawwa', kemudian proses kejadian mereka berlangsung di sebalik tiga dinding (lapisan kegelapan) di dalam perut ibunya, Allahlah yang merupakan رب (tuhan yang memelihara dan menjaga manusia) pada ketika itu, kehendak dan kuasaNya berlaku pada masa itu, maka manusia hendaklah tidak menyembah tuhan yang lain selain Allah (Ayat: 6).

خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَانزَلَ لَكُمْ مِنَ الْأَنْعَامِ ثَمَنِيَّةً أَنْزَلَخُفَّكُمْ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ خَلَقًا مِنْ بَعْدِ خَلْقٍ فِي ظُلُمَاتٍ ثَلَاثٍ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ قَاتِي تُصْرُفُونَ ﴿٦﴾

(c) Jiwa dan perasaan orang-orang musyrikin.

Jiwa orang-orang musyrikin apabila disebut tuhan yang Esa menjadi liar, tetapi apabila disebut tuhan-tuhan yang lain selainNya, mereka suka dan gembira (Ayat: 45).

وَإِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَحْدَهُ اشْمَأَزَّتْ قُلُوبُ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَإِذَا ذُكِرَ الَّذِينَ مِنْ دُونِهِ إِذَا هُمْ يَسْتَعْجِلُونَ ﴿٤٥﴾

5. Di dalam surah ini berkali-kali seruan kepada tauhid ibadat diberikan.

(a) Orang-orang musyrikin diancam dengan dikatakan kepada mereka melalui lidah nabi Muhammad s.a.w.: "Kamu boleh mengguna kebebasan memilih yang ada padamu sesuka hatimu untuk menyembah siapa saja yang kamu mahu, tetapi aku hanya akan menyembah tuhan yang Maha Esa dengan penuh keikhlasan" (Ayat: 14-15).

قُلْ اللَّهُ أَعْبُدْ مُخْلِصًا لَهُ دِينِي ﴿١٤﴾ فَاعْبُدُوا مَا شِئْتُمْ مِنْ دُونِهِ

(b) Tauhid yang sempurna

Orang-orang yang mengelak diri daripada mentaati Thaghut dan memilih jalan kembali kepada Allah, merekalah yang mendapat berita gembira (Ayat: 17).

وَالَّذِينَ اجْتَنَبُوا الطَّاغُوتَ أَنْ يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوا إِلَى اللَّهِ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٧﴾

(c) Orang-orang musyrikin menakut-nakutkan orang ramai dengan *مِنْ دُونِ اللَّهِ*, sedangkan untuk menjaga keselamatan manusia hanya Allah sudah cukup (Ayat: ٣٦).

أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُ وَيُخَوِّفُونَكَ بِالَّذِينَ مِنْ دُونِهِ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٦﴾

(d) Melalui lidah Rasulullah dikatakan: “Wahai orang-orang jahil, adakah kamu menyuruh aku menyembah *غَيْرُ اللَّهِ* (selain Allah)?” (Ayat: 64).

قُلْ أَفَعَبَّرَ اللَّهُ تَأْمُرُونَ بِأَعْبَادِهَا الْجَاهِلُونَ ﴿٦٤﴾

6. Di dalam surah ini perkataan *يَا عِبَاد* digunakan untuk orang-orang yang beriman.

Mereka diseru supaya bertaqwa, kepada orang-orang yang belum beriman pula, begitu juga orang-orang yang berdosa ditenangkan mereka supaya tidak putus asa terhadap rahmat Allah. Orang-orang yang berdosa diseru supaya bertaubat dan mereka diberi berita gembira bahawa Allah boleh memaafkan dosa-dosa kecil dan juga dosa-dosa besar mereka.

(a) Dikatakan kepada orang-orang yang baru memeluk agama Islam, jika mereka bertaqwa maka itulah yang terbaik untuk mereka, kepada orang-orang yang sabar kerana hendak berhijrah pula diberikan pahala tidak terhingga (Ayat: 10).

قُلْ يَاعِبَادِ الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا رَبَّكُمْ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

(b) Manusia hendaknya tidak berputus asa terhadap rahmat Allah, selepas benar-benar bertaubat, beriman dan menganut agama Islam, amalan-amalan yang dilakukan seseorang manusia itu membuatnya berhak dan berkecukupan mendapat rahmat Allah (Ayat: 53).

قُلْ يَاعِبَادِ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

7. Beberapa sifat pemimpin-pemimpin musyrikin Mekah.

Surah az-Zumar juga menyatakan beberapa sifat orang-orang musyrikin Mekah, antaranya ialah mereka kafir kerana menolak da'wah Rasulullah dan puncaknya ialah kesombongan dan takabbur, mereka begitu bangga dengan harta kekayaan yang dimiliki, mereka seperti Qarun, menganggap segala-gala kelebihan yang ada pada mereka dikurniakan semata-mata kerana kelebihan dan ilmu mereka, selain itu mereka juga memperolok-olokkan seruan Islam (Ayat: 48).

وَيَذَأْلَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٥٩﴾

(a) Manusia menjadi kafir kerana mendustakan dan bersikap sombong terhadap ayat-ayat Allah yang sampai kepadanya (Ayat: 59).

بَلَىٰ قَدْ جَاءَ ثَكَ ءَايَاتِي فَكَذَّبْتَ بِهَا وَاسْتَكْبَرْتَ وَكُنتَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿٦٠﴾

(b) Muka orang-orang sombong yang mendustakan ayat-ayat Allah pada hari kiamat kelak akan menjadi hitam legam (Ayat: 60).

وَيَوْمَ الْقِيَمَةِ تَرَى الَّذِينَ كَذَبُوا عَلَى اللَّهِ وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٢﴾

(c) Tempat tinggal golongan متكبرين (orang-orang yang sombong) adalah neraka, akan dikatakan kepada mereka bahawa masuklah kamu ke dalamnya untuk selama-lamanya (Ayat: 72).

قِيلَ ادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوًى لِّلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٣٢﴾

(d) Orang-orang kafir yang mendustakan kebenaran yang telah sampai kepadanya akan masuk neraka (Ayat: 32).

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَذَبَ عَلَى اللَّهِ وَكَذَّبَ بِالصِّدْقِ إِذْ جَاءَهُ ؕ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَافِرِينَ ﴿٤٩﴾

(e) Orang-orang musyrikin yang kaya ramai terkeliru, mereka menganggap segala ni`mat yang diperolehi manusia hanya kerana kelebihan dan ilmunya semata-mata sedangkan semua itu adalah ujian daripada Allah kepada mereka (Ayat: 49).

فَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضَرٌّ دَعَا نَحْنُ إِذَا حَوْلَتْهُ نِعْمَةٌ مِنَّا قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ بَلَىٰ هِيَ فِتْنَةٌ

8. Jenis kesyirikan orang-orang musyrikin Mekah.

Orang-orang musyrikin Mekah percaya kepada Allah tetapi mereka menerima juga tuhan-tuhan yang lain selain Allah. Patung dan berhala orang-orang shaleh yang telah mati dibuat dan disembah mereka, pada anggapan mereka orang-orang shaleh itu dapat menjadi orang tengah di antara mereka dengan Allah, mereka percaya para malaikat adalah anak-anak perempuan Allah. Menurut kepercayaan orang-orang musyrikin Mekah juga, dengan bantuan الله مِنْ دُونِ الله akan menyelamatkan mereka. Tuhan-tuhan selain Allah dianggap mereka sebagai أَنْدَاد (tuhan yang setara dengan Allah).

(a) Orang-orang musyrikin berkata: “Kami menyembah berhala-berhala ini hanya supaya mereka menghampirkan kami kepada Allah” (Ayat: 3).

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ

(b) Orang-orang musyrikin Mekah menerima Allah sebagai pencipta langit dan bumi, tetapi mereka melakukan syirik dalam uluhiyyah dan ibadat, mereka diseru supaya berfikir bahawa jika Allah mahu memudharatkan, akan adakah الله مِنْ دُونِ yang dapat menyelamatkan? Dan jika Allah hendak memberi rahmat, adakah الله مِنْ دُونِ berkuasa menghalangnya? Katalah dengan terus terang kepada mereka bahawa bagiku Allah sudah cukup dan orang-orang yang percaya dan berserah kepada Allah hanya berserah kepadaNya (Ayat: 38).

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلْ أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرَادَنِيَ اللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَاشِفَاتُ ضُرِّيهِ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَتُ رَحْمَتِهِ قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٣٨﴾

(c) Orang-orang musyrikin ditanya: “Adakah الله مِنْ دُونِ akan menjadi penolong dan pemberi syafa’at untuk mereka walaupun mereka itu tidak beraqal, tidak berkuasa dan tidak mempunyai pilihan?” (Ayat: 43).

أَمْ أَخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ شُفَعَاءَ قُلْ أُولَئِكَ كَانُوا لَا يَمْلِكُونَ شَيْئًا وَلَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾

(d) Dikatakan kepada orang-orang musyrikin bahawa tauhid adalah suara fitrah manusia, manusia apabila ditimpa kesusahan, bukankah dia hanya berdoa kepada Allah? Tetapi selepas mendapat ni`mat-ni`mat, mereka lupa pula kepada tauhid, sebaliknya bersyukur juga kepada tuhan-tuhan yang lain selain Allah (Ayat: 8).

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا خَوَّلَهُ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِيَ مَا كَانَ يَدْعُوًّا إِلَيْهِ مِن قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَنْدَادًا

(e) Aqidah ada pihak yang boleh memberi syafa’at rekaan orang-orang kafir Quraisy itu salah, syafa’at hanya dapat diberikan dengan bersyarat, dikatakan dengan terus terang kepada orang-orang musyrikin bahawa manusia hanya memikul dosanya sendiri, ia tidak memikul dosa orang lain (Ayat: 7).

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

(f) Tentang syafa’at dikatakan dengan jelas bahawa syafa’at (pertolongan) sepenuhnya berada di tangan Allah yang merupakan raja bumi dan langit (Ayat: 44).

قُلْ لِلَّهِ الشَّفَعَةُ جَمِيعًا لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤٤﴾

(g) Allah sama sekali tidak akan redha kepada hamba-hambaNya yang tidak bersyukur, tetapi jika mereka bersyukur maka Allah boleh redha kepadanya (Ayat: 7).

وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ الْكُفْرَ وَإِنْ تَشْكُرُوا يَرْضَهُ لَكُمْ

9. Taqwa merupakan tema khusus Surah az-Zumar.

(a) Manusia diseru supaya bertaqwa, Allah mengancam manusia dengan azab neraka. Di dalam neraka manusia akan dikepung oleh api yang bernyala-nyala (Ayat: 16).

لَهُمْ مِنْ قَوْعِهِمْ ظُلَلٌ مِنَ النَّارِ وَمِنْ تَحْتِهِمْ ظُلَلٌ ذَلِكَ يُخَوِّفُ اللَّهَ بِهِ عِبَادَهُ يَبْعَادُونَ فَأَتَقُونَ ﴿١٦﴾

(b) Orang-orang yang membenarkan kebenaran itulah orang-orang yang متقين (Ayat: 33).

وَالَّذِي جَاءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ أُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿٣٣﴾

(c) Untuk orang-orang yang bertaqwa kepada Allah akan diberikan mahligai-mahligai dan istana-istana yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, itulah janji Allah untuk mereka (Ayat: 20).

لَكِنِ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ غُرَفٌ مِنْ فَوْقِهَا غُرَفٌ مَبْنِيَّةٌ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَعَدَ اللَّهُ

(d) Kepada orang-orang yang memilih ketaqwaan akan diberikan kejayaan, mereka akan terhindar dari azab dan mereka juga tidak akan bersedih dan berdukacita (Ayat: 61).

وَيُنَجِّي اللَّهُ الَّذِينَ اتَّقَوْا بِمَفَازِهِمْ لَا يَمَسُّهُمُ السُّوءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦١﴾

(e) Orang-orang yang bertaqwa akan masuk syurga dengan berkumpul, penjaga syurga akan menyambut mereka dan mengucapkan selamat kepada mereka (Ayat: 73).

وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ زُمَرًا حَتَّى إِذَا جَاءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَامٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَادْخُلُوهَا خَالِدِينَ ﴿٧٣﴾

10. Perkataan أوّلوا الالباب tiga kali digunakan di dalam Surah az-Zumar.

(a) Orang-orang yang beraqal (أوّلوا الالباب) hendaklah mengetahui bahawa tidak sama di antara orang alim dan orang jahil, orang yang takut akan keburukan di hari akhirat dan bersembahyang pada waktu malam dengan mengharapkan rahmat Allah serta berperibadi mulia juga tidak sama dengan orang yang tidak takut kepada balasan di akhirat dan berperangai buruk. Ilmu dan amal adalah dua perkara yang mesti untuk seseorang dapat masuk syurga (Ayat: 9).

أَمِنْ هُوَ قَلْبُكَ عِندَ آتَاءِ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولَؤُا

الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

(b) Dalil اَفَاقِي diberikan kepada orang-orang yang beraqal (أوّلوا الالباب). Antaranya ialah Allah menurunkan air dari langit, daripadanya mengalir mata air di bumi, tanaman-tanaman pelbagai warna mula tumbuh dan kelihatan begitu cantik, kemudian ia menguning dan akhirnya ia hancur dan mereput, begitulah juga keadaannya kehidupan manusia. Ia terpaksa melalui beberapa peringkat di dalam

kehidupannya bermula dari zaman kanak-kanak kepada zaman muda dan akhirnya mati. Orang-orang yang beraqal (أولو الالباب) menjalani kehidupan dengan meletakkan akhirat di hadapannya (Ayat: 21).

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنْبِيعٌ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَنُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطْلًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

(c) Orang-orang yang beraqal ialah yang mendengar hidayat dengan penuh perhatian kemudian memilih sikap positif dengan mengikuti apa yang baik daripadanya. Mereka tidak memberi ta'wilan dan tafsiran yang salah terhadap al-Qur'an dengana niat tidak baik, orang-orang seperti inilah yang akan mendapat hidayat Allah (Ayat: 18).

الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُ اللَّهُ وَأُولَئِكَ هُمْ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿١٨﴾